Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 9, e001715
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1715

Penilaian Input dan Reaksi Program Latihan dalam Perkhidmatan oleh Jemaah Nazir Kepada Nazir Sekolah

(Input and Reaction Evaluation of In-Service Training Program by the Inspectorate towards Inspectors of Schools)

Hamzal Shamsul Kahar[1*], Norasmah Othman[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: hamzal.shamsul@gmail.com
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: lin@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Hamzal Shamsul Kahar
(hamzal.shamsul@gmail.com)

KATA KUNCI:
Penilaian Input
Penilaian Reaksi
Latihan dalam Perkhidmatan
Jemaah Nazir
Nazir Sekolah

KEYWORDS:
Input Evaluation
Reaction Evaluation
In-Service Training
School Inspectorate
School Inspector

CITATION:
Hamzal Shamsul Kahar & Norasmah Othman. (2022). Penilaian Input dan Reaksi Program Latihan dalam Perkhidmatan oleh Jemaah Nazir Kepada Nazir Sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(9), e001715. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1715

ABSTRAK

Kajian penilaian ini menggunakan Model Penilaian CIRO yang diperkenalkan pada tahun 1970 untuk menilai program Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) di Jemaah Nazir (Warr et al., 1979). Kajian ini memfokuskan dua tahap penilaian sahaja iaitu input dan reaksi yang melibatkan pengumpulan data secara kuantitatif. Responden kajian tinjauan terdiri daripada 175 Nazir Sekolah yang pernah mengikuti program LDP yang dianjurkan oleh pihak JN dari tahun 2018 hingga 2021. Borang soal selidik dengan skala Likert lima mata digunakan sebagai instrumen yang mempunyai nilai kesahan 1.00 dan nilai kebolehpercayaan berdasarkan *Cronbach's Alpha* antara 0.839 hingga 0.988 bagi semua komponen dalam penilaian. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Statistics* versi 25 untuk menentukan frekuensi, peratusan dan skor min. Dapatan kajian menunjukkan penilaian input (lokasi, kemudahan, penceramah, modul latihan dan kaedah pelaksanaan) dan reaksi (pembelajaran, pengetahuan dan kemahiran) terhadap program LDP secara keseluruhan berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian mencadangkan aspek penambahbaikan bagi meningkatkan kompetensi kerja seperti penggunaan model penilaian lain yang bersesuaian selain model penilaian CIRO bagi menilai program LDP. Kajian ini melaporkan penilaian input dan reaksi bagi menilai kompetensi kerja Nazir Sekolah. Kajian selanjutnya boleh diperluaskan dengan menilai konstruk atau dimensi lain bagi menilai kompetensi kerja yang bersesuaian.

ABSTRACT

This evaluation study used the CIRO Evaluation Model to evaluate workforce in-service training program for School Inspectorate. This study focused only on two stages of assessment, namely input and reaction which involves

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

quantitative data collection. The sample for the survey consisted of 175 School Inspectors who had attended the workforce in-service training program from 2018 to 2021 organised by School Inspectorate. The questionnaire with a five-point Likert scale is used as an instrument that has a validity value of 1.00 and a reliability value based on Cronbach's Alpha ranging from 0.839 to 0.988 for all components in the rating. Quantitative data is analysed descriptively and inferentially using the IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) Statistics version 25 software to determine the frequency, percentage, and mean score. The findings showed that input assessments (location, facilities, speakers, training modules and implementation methods) and reactions (learning, knowledge, and skills) on the programme as a whole were at a high level. The findings suggest improvements to enhance work competency such as the use of other appropriate assessment models in addition to the CIRO Evaluation Model to evaluate the training program. The findings of this study used input, reaction, and immediate results assessments to assess the competency of the School Inspectors' work. Further studies can be expanded by evaluating constructs or other dimensions to assess appropriate work competencies.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dalam memperkukuhkan penilaian program latihan menggunakan model penilaian program yang dianjurkan oleh organisasi kepada pekerja bagi meningkatkan pencapaian organisasi masing-masing terutamanya bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia.

1. Pengenalan

Inspektor atau pemeriksa sekolah telah diperkenalkan semenjak tahun 1801 lagi di Eropah, begitu juga di United Kingdom tahun 1839 (Mohamad Alkutich, 2015). Peranan utama inspektor sekolah adalah melaksanakan pemeriksaan dan pengawasan sekolah (Alexius, 2020; Ceylan & Can, 2019; Hossain, 2017; James, 2018; Mohamad Alkutich, 2015). Di samping itu, inspektor sekolah turut bertanggungjawab dalam memastikan sistem pendidikan negara berjalan lancar seperti yang dihasratkan setiap kementerian pendidikan bagi sesebuah negara (Alexius, 2020; Anderson, 2017; Hossain, 2017; Independent Schools Inspectorate (ISI), 2015; James, 2018).

Pada masa kini, peranan dan status sebagai inspektor sekolah tidak lagi boleh diambil mudah memandangkan kualiti perkhidmatan yang dilaksanakan semakin meningkat dan boleh dipertikai oleh pihak lain jika tidak berkualiti (Grek, 2014). Oleh itu, penting bagi pihak Jemaah Nazir (JN) di Malaysia melaksanakan program serta memberi latihan secukupnya kepada Nazir Sekolah. Hal ini bagi memastikan Nazir Sekolah tidak ketinggalan dalam ilmu pengetahuan terkini sewaktu melaksanakan pemeriksaan dan memberi bimbingan secukupnya kepada pihak sekolah (Ceylan & Can, 2019). Pemeriksaan yang dilaksanakan Nazir Sekolah ke sekolah terutamanya bagi membuat semakan pematuhan peraturan dan menilai kerja pihak sekolah serta guru (Brown et al., 2016). Nazir Sekolah tidak dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik jika tidak dapat memberi bimbingan sewajarnya kepada pihak sekolah bagi membantu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

meningkatkan kualiti seperti yang dihasratkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Yenipınar & Göksoy, 2016).

Selain itu, keberkesanan penilaian program juga kurang diberi penekanan. Tujuan penilaian program dilaksanakan adalah bagi melihat sejauh mana kualiti dan prestasi kerja yang diperlukan bagi memenuhi kompetensi kerja yang diperlukan (Srivastava & Walia, 2018). Penilaian program dapat menggalakkan penambahbaikan dibuat ke atas program LDP yang dilaksanakan dari semasa ke semasa (Ceylan & Can, 2019). Salah satu cara penilaian program dapat dilaksanakan adalah dengan menggunakan model penilaian yang bersesuaian. Penggunaan model penilaian membantu menilai sejauh mana pelaksanaan program dilaksanakan mengikut fokus, objektif atau aspek yang telah ditetapkan (Surendran & Norazlinda, 2019).

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan dengan objektif menilai sejauh mana penilaian input dan reaksi program LDP yang dilaksanakan oleh JN dapat meningkatkan kompetensi kerja Nazir Sekolah. Aspek penilaian input mencakupi lokasi, kemudahan, penceramah, modul latihan dan kaedah pelaksanaan manakala aspek bagi penilaian reaksi yang dilihat adalah berkaitan pembelajaran, pengajaran dan kemudahan. Oleh itu, bagi memastikan Nazir Sekolah sentiasa berpengetahuan dalam ilmu pendidikan berkaitan program terkini KPM bagi memberi bimbingan sewajarnya kepada pihak sekolah. Pelaksanaan program LDP dilaporkan dapat membantu meningkatkan ilmu pengetahuan dan kecekapan peserta program latihan dalam melaksanakan tugas harian dengan lebih baik (Bilan et al., 2021; Mukhidin et al., 2020; Surendran & Norazlinda, 2019; Yuniarti et al., 2018).

2. Sorotan Literatur

Pihak JN merupakan salah sebuah organisasi di bawah KPM. Pihak JN berperanan sebagai badan pemastian standard pendidikan dan diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan fungsi penaziran seperti yang tercatat dalam Akta Pendidikan 1996 atau dikenali dengan Akta 550 (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 1997). Selain itu, pihak JN juga melaksanakan pemeriksaan serta memberi bimbingan serta nasihat kepada pihak institusi pendidikan yang diperiksa (Jemaah Nazir, 2020). Nazir Sekolah melaksanakan tugas penaziran dan pelaporan sekolah yang dinaziri dengan cermat, teliti, adil serta saksama berlandaskan keutuhan profesional (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2013). Untuk itu, Nazir Sekolah perlu berpengetahuan luas dalam pendidikan serta mampu mengupayakan pihak sekolah. Antara bidang yang dipantau dan dibimbing oleh Nazir Sekolah termasuklah bidang kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid serta berkaitan profesion keguruan melalui aktiviti bimbingan (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2013).

Bagi memastikan Nazir Sekolah berpengetahuan luas dalam memberi bimbingan dan cadangan kepada pihak sekolah, tahap profesionalisme dan prestasi kerja ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui program LDP yang dilaksanakan oleh pihak JN. Selain pelaksanaan program LDP, penilaian program turut memainkan peranan berkaitan keberkesanan program yang dilaksanakan. Penilaian program merupakan proses yang sistematik bagi melihat sejauh mana pengesanan dilakukan berkaitan pengetahuan dan kepakaran yang diperlukan di tempat kerja (Wang & Wilcox, 2006). Penilaian program secara tidak langsung dapat memberikan gambaran awal berkaitan sejauh mana semua hasil usaha yang telah dilaksanakan oleh penganjur program (Chotimah, 2018). Terdapat empat tujuan digariskan berkaitan pelaksanaan penilaian program iaitu untuk mengenal pasti (1) input yang diperlukan, (2) penambahbaikan yang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

diperlukan terhadap amalan harian, (3) sejauh mana keberkesanan program yang dilaksanakan dan (4) isu-isu hak asasi manusia dan keadilan sosial dapat ditangani jika berlaku (Mertens & Wilson, 2019).

Setiap organisasi biasanya maklum berkaitan pelaksanaan program latihan, namun kurang memberi perhatian kepada penilaian program latihan yang patut dilaksanakan (Al-Mughairi, 2018). Mempunyai sistem penilaian yang tersusun dengan baik boleh membantu mereka menentukan kelemahan yang berlaku dan membuat penambahbaikan sewajarnya. Selain itu, kelemahan program latihan dapat dielakkan dengan penambahbaikan dari semasa ke semasa (Shenge, 2014). Proses penilaian program yang berkesan memerlukan model penilaian tertentu yang mendasari hasrat sesuatu penilaian dilaksanakan. Model penilaian tersebut dapat memberi gambaran secara konseptual bagi memudahkan kefahaman tentang pelaksanaan sesuatu aktiviti yang menunjukkan pelbagai unsur yang terlibat dalam aktiviti tersebut (Nor Hayati & Bani Hidayat, 2017).

Terdapat pelbagai model penilaian latihan telah dihuraikan oleh pengkaji terdahulu kerana latar belakang bidang pendidikan yang berbeza serta fokus tujuan kajian yang pelbagai (Nor Hayati & Bani Hidayat, 2017; Srivastava & Walia, 2018). Antara model penilaian yang biasanya digunakan adalah model penilaian Tyler, Kirkpatrick, Metfessel dan Michael, CSE-UCLA, *Discrepancy*, CIPP, EPIC dan lain-lain lagi (Nor Hayati & Bani Hidayat, 2017). Bagi kajian ini, model penilaian yang digunakan adalah model penilaian CIRO yang diperkenalkan oleh Warr, Bird dan Rackham (1979). Model ini dipilih kerana berorientasikan pengurusan di mana tujuan program latihan telah ditentukan berdasarkan hasrat dan keperluan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan organisasi berkaitan. Dimensi yang terdapat dalam CIRO atau KIRH ini adalah *Context* (Konteks), Input, *Reaction* (Reaksi) dan *Output* (Hasil) dan konteks yang dipilih bagi kajian ini cuma persepsi Nazir Sekolah tentang penilaian input dan reaksi.

3. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif dengan pelaksanaan kaedah tinjauan. Populasi kajian bagi keseluruhan Nazir Sekolah di Malaysia adalah berjumlah 313 Nazir Sekolah. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan, minimum sampel kajian yang diperlukan adalah sekitar 175 Nazir Sekolah (Krejcie & Morgan, 1970). Jadual Krejcie dan Morgan ini digunakan sebagai panduan memandangkan ianya tidak melibatkan sebarang pengiraan dan jadual ini terpakai kepada mana-mana populasi yang diketahui.

Instrumen yang digunakan adalah soal selidik. Terdapat empat bahagian dalam instrumen ini iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A adalah berkaitan demografi responden (9 item). Manakala bahagian B adalah berkaitan penilaian input dengan lima konstruk iaitu lokasi (16 item), kemudahan (18 item), penceramah (18 item), modul latihan (18 item) dan kaedah pelaksanaan (18 item). Bahagian C pula adalah berkaitan penilaian reaksi dengan tiga konstruk iaitu pembelajaran (18 item), pengetahuan (18 item) dan kemahiran (18 item). Sementara bahagian D penilaian hasil, cuma ada satu sahaja konstruk iaitu kompetensi kerja Nazir Sekolah. Secara keseluruhan, terdapat 172 item yang diadaptasi dan diubahsuai dari kajian lepas berkaitan dengan model penilaian seperti Sisson (2001), Patterson (2015), Smith (2018), Al-Mughairi (2018), Wan Huzaini (2018) serta Mertens dan Wilson (2019). Bagi bahagian B dan C, pengkaji menggunakan skala *Likert* lima mata iaitu 1:Sangat Tidak Bersetuju (STB), 2:Tidak Setuju (TS), 3:Kurang Setuju (KS), 4:Setuju (S) dan 5: Sangat Setuju (SS).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bagi proses kesahan instrumen, data borang yang diperolehi dari dua pakar kesahan kandungan dianalisis tahap Indeks Kesahan Kandungan atau *Content Validation Indeks* (CVI). Skor berserta aras relevan yang ditetapkan adalah seperti 1:item tidak relevan, 2:item kurang relevan, 3:item agak relevan dan 4:item sangat relevan. Nilai CVI yang diperolehi bagi setiap item adalah 1.00 di mana bagi memastikan item ini boleh digunakan, item yang diterima bagi analisis dari dua orang pakar kesahan adalah sekurang-kurangnya 0.80 (Davis, 1992; Muhamad Saiful, 2019). Manakala bagi proses kebolehpercayaan instrumen, kajian rintis telah dilaksanakan kepada Nazir Sekolah yang bertugas di pejabat JN Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berjumlah 30 orang responden. Analisis data menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* yang diperolehi adalah dalam julat antara 0.839 hingga 0.988. Berdasarkan kajian DeVellis (2017) serta Tavakol dan Dennick (2011), nilai minimum *Cronbach's Alpha* yang diterima secara umum adalah di antara 0.70 ke 0.95.

Proses penganalisisan data adalah menggunakan aplikasi IBM *Statistical Package for Social Science (SPSS) Statistics* versi 25. Bagi kajian ini, analisis deskriptif yang digunakan adalah bagi menentukan frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai untuk menghuraikan dapatan kajian berkaitan persepsi responden tentang penilaian input dan reaksi terhadap program LDP yang dilaksanakan oleh pihak JN kepada peningkatan kompetensi kerja Nazir Sekolah.

4. Dapatan Kajian

Data dari persepsi responden yang menjawab soal selidik berkaitan penilaian input dan reaksi terhadap program LDP dianalisis berdasarkan skala *Likert* lima mata yang telah ditetapkan.

Jadual 1 menunjukkan analisis kelima-lima konstruk bagi penilaian input yang terlibat disusun mengikut keutamaan di mana konstruk penceramah menunjukkan min paling tinggi (min=4.45; SP=0.537). Hasil dari penggunaan penilaian input dalam menilai persepsi responden menunjukkan peningkatan dan kejayaan program yang diperhatikan. Hal ini turut dibuktikan dalam kajian oleh Avellaneda (2020), Srinivasan et al. (2020) dan Sapie et al. (2017). Kajian mereka menunjukkan walaupun penilaian input yang berbeza konstruk digunakan bagi menilai program yang dilaksanakan, hasil dari analisis menunjukkan terdapat perubahan yang positif untuk memastikan program yang dilaksanakan mencapai objektif yang dikehendaki. Bagi kajian ini, terdapat lima konstruk yang dinilai dan rata-rata analisis yang dinyatakan telah menunjukkan persepsi responden yang positif bersetuju kepada pernyataan yang disenaraikan.

Jadual 1: Rumusan Analisis Konstruk bagi Penilaian Input

Konstruk	Min	SP	Tahap
Penceramah	4.45	0.537	Tinggi
Kemudahan	4.41	0.585	Tinggi
Modul Latihan	4.29	0.558	Tinggi
Kaedah Pelaksanaan	4.17	0.671	Tinggi
Lokasi	4.09	0.821	Tinggi

Bagi konstruk penceramah, responden telah memberikan skala persetujuan yang tinggi bagi 18 item yang disusun mengikut urutan dalam Jadual 2. Data menunjukkan responden bersetuju bagi pernyataan dalam konstruk penceramah antara 93.1 hingga 99.4 peratus.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Responden bersetuju jika penceramah yang menyampaikan program LDP adalah seorang yang berpengetahuan, dapat memberi contoh yang relevan serta menyampaikan kursus dengan laras bahasa yang mudah difahami. Hal ini dapat dikaitkan dengan data paling tinggi bersetuju dengan 99.4 peratus bagi "berpengetahuan dalam topik yang disampaikan" (B3P2), "memberi contoh yang relevan" (B3P10) serta "menggunakan laras bahasa yang mudah difahami" (B3P15). Kajian Patterson (2015) menyokong dapatan yang diperolehi ini di mana karakter penceramah memainkan peranan yang besar kepada perjalanan program. Begitu juga dengan Mohd Khairi (2018) berpendapat bahawa pengajaran yang disampaikan secara bijaksana mampu memberi impak penghayatan kepada peserta dengan lebih baik. Namun, kajian Wan Huzaini (2018) melaporkan walaupun karakter atau kepakaran penceramah adalah tinggi, kaedah penyampaian yang diberikan tidak semestinya seiring dengan kepakaran yang dimiliki menyebabkan responden menjawab pada tahap memuaskan sahaja bagi kaedah penyampaian.

Walaupun begitu, kajian Al-Mughairi (2018) menunjukkan sebaliknya. Beliau menjelaskan bahawa prestasi dan tingkah laku penceramah tidak menyokong kepada hasil program yang dilaksanakan. Responden turut menunjukkan persepsi yang kurang bersetuju bagi konstruk tersebut. Manakala item yang berada di kedudukan terakhir adalah berkaitan "bimbingan secara praktikal diberikan dengan baik" dengan 93.1 peratus. Walaupun berada di kedudukan terakhir, item ini masih lagi tinggi peratusannya di mana kebanyakan responden turut bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Analisis ini menyokong kajian Smith (2018) yang menunjukkan sokongan penceramah dan latihan secara *hands-on* memainkan peranan penting dan diperlukan oleh peserta program.

Jadual 2: Analisis Frekuensi Konstruk Penceramah (Penilaian Input)

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
B3P2	Berpengetahuan dalam topik yang disampaikan	-	-	1 (0.6%)	81 (46.3%)	93 (53.1%)
B3P10	Memberi contoh yang relevan	-	-	1 (0.6%)	98 (56.0%)	76 (43.4%)
B3P15	Menggunakan laras bahasa yang mudah difahami	-	-	1 (0.6%)	80 (45.7%)	94 (53.7%)
B3P16	Menjawab soalan yang diajukan dengan baik	-	-	1 (0.6%)	87 (49.7%)	87 (49.7%)
B3P18	Tingkah laku yang baik sewaktu program	-	-	1 (0.6%)	80 (45.7%)	94 (53.7%)
B3P1	Berkebolehan berkomunikasi	-	-	2 (1.1%)	78 (44.6%)	95 (54.3%)
B3P9	Memberi contoh yang mudah difahami	-	-	3 (1.7%)	96 (54.9%)	76 (43.4%)
B3P17	Peruntukan waktu bagi peserta bertanya soalan mencukupi	-	-	3 (1.7%)	97 (55.4%)	75 (42.9%)
B3P3	Berupaya untuk menarik minat peserta program	-	-	4 (2.3%)	92 (52.6%)	79 (45.1%)
B3P8	Memahami spesifikasi tugas peserta program	-	-	4 (2.3%)	91 (52.0%)	80 (45.7%)
B3P6	Gaya penyampaian yang baik	-	-	4 (2.3%)	83 (47.4%)	88 (50.3%)
B3P7	Kecekapan menggunakan peralatan	-	-	4	95	76

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
	pengajaran			(2.3%)	(54.3%)	(43.4%)
B3P12	Menerangkan kaedah yang terkini	-	-	5 (2.9%)	92 (52.6%)	78 (44.6%)
B3P13	Menerangkan sesuatu konsep dengan jelas	-	-	5 (2.9%)	92 (52.6%)	78 (44.6%)
B3P5	Bimbingan secara teori diberikan dengan baik	-	-	5 (2.9%)	95 (54.3%)	75 (42.9%)
B3P14	Menggalakkan interaksi peserta	-	-	5 (2.9%)	91 (52.0%)	79 (45.1%)
B3P11	Menerangkan langkah yang lebih mudah	-	-	6 (3.4%)	94 (53.7%)	75 (42.9%)
B3P4	Bimbingan secara praktikal diberikan dengan baik	-	-	12 (6.9%)	90 (51.4%)	73 (41.7%)
Keseluruhan		Min = 4.45; SP = 0.537; Tahap = Tinggi				

Bagi konstruk kedua tertinggi iaitu kemudahan (min=4.41; SP=0.585), data dalam Jadual 3 menunjukkan responden bersetuju bagi pernyataan berkaitan antara 86.8 hingga 98.9 peratus. Kebanyakan responden menunjukkan persepsi mereka paling tinggi bagi alat bantuan visual seperti slaid *powerpoint*, penyaman udara dan sistem pembesar suara perlu berfungsi dengan baik. Hal ini dapat dikaitkan dengan pernyataan yang paling tinggi yang responden bersetuju iaitu "slaid *powerpoint* berfungsi dengan baik" (B2K4) dengan 98.9 peratus diikuti "alat penyaman udara berfungsi dengan baik" (B2K5) dengan 98.8 peratus. Begitu juga "sistem pembesar suara berfungsi" (B2K16) dengan 98.8 peratus. Hal ini menyokong dapatan Yuniarti et al. (2018), Al-Mughairi (2018) dan Surendran et al. (2019) yang menjelaskan bahawa kemudahan, infrastruktur dan peralatan yang disediakan menyumbang kepada keberkesanan program. Begitu juga dengan kajian Surber (2016) dan Sulisworo et al. (2020) yang menegaskan bahawa kemudahan latihan berasaskan multimedia dan web makin popular kini. Data turut menunjukkan responden bersetuju paling rendah di bawah 90 peratus bagi dua dari 18 item yang dinyatakan. Walaupun begitu, peratusan masih tinggi bagi kedua-dua item tersebut iaitu "alat tulis bagi kegunaan kursus mencukupi" (B2K6) dengan 89.1 peratus dan "kemudahan internet disediakan" (B2K14) dengan 86.8 peratus.

Jadual 3: Analisis Frekuensi Konstruk Kemudahan (Penilaian Input)

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
B2K4	Alat bantuan visual berfungsi dengan baik (slaid *powerpoint*)	-	-	2 (1.1%)	78 (44.6%)	95 (54.3%)
B2K5	Alat penyaman udara berfungsi dengan baik	-	-	2 (1.1%)	83 (47.4%)	90 (51.4%)
B2K16	Sistem pembesar suara berfungsi	-	1 (0.6%)	1 (0.6%)	97 (55.4%)	76 (43.4%)
B2K8	Bilik kuliah yang digunakan selesa	-	1 (0.6%)	2 (1.1%)	83 (47.4%)	89 (50.9%)
B2K11	Kerusi yang disediakan mencukupi	-	-	3 (1.7%)	96 (54.9%)	76 (43.4%)
B2K7	Bilik kuliah yang bersih	-	1 (0.6%)	2 (1.1%)	79 (45.1%)	93 (53.1%)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
B2K1	Alat bantuan visual berfungsi dengan baik (projektor LCD)	-	-	4 (2.3%)	80 (45.7%)	91 (52.0%)
B2K12	Pencahayaan dalam bilik kuliah mencukupi	-	-	4 (2.3%)	99 (56.6%)	72 (41.1%)
B2K13	Meja yang disediakan mencukupi	-	-	4 (2.3%)	98 (56.0%)	73 (41.7%)
B2K9	Bilik kuliah yang digunakan sesuai bagi aktiviti yang dirancang	-	1 (0.6%)	4 (2.3%)	86 (49.1%)	84 (48.0%)
B2K15	Persekitaran bilik kuliah menggalakkan pelaksanaan program	-	-	5 (2.9%)	100 (57.1%)	70 (40.0%)
B2K3	Alat bantuan visual berfungsi dengan baik (video)	-	-	7 (4.0%)	83 (47.4%)	85 (48.6%)
B2K18	Susun atur perabot bersesuaian dengan program yang dilaksanakan	-	3 (1.7%)	5 (2.9%)	99 (56.6%)	68 (38.9%)
B2K10	Saiz bilik kuliah sesuai dengan jumlah peserta	-	1 (0.6%)	7 (4.0%)	100 (57.1%)	67 (38.3%)
B2K2	Alat bantuan visual berfungsi dengan baik (audio)	-	-	11 (6.3%)	77 (44.0%)	87 (49.7%)
B2K17	Soket bekalan elektrik yang disediakan mencukupi	1 (0.6%)	2 (1.1%)	10 (5.7%)	91 (52.0%)	71 (40.6%)
B2K6	Alat tulis bagi kegunaan kursus mencukupi	2 (1.1%)	4 (2.3%)	13 (7.4%)	84 (48.0%)	72 (41.1%)
B2K14	Kemudahan internet disediakan	-	3 (1.7%)	20 (11.4%)	87 (49.7%)	65 (37.1%)
	Keseluruhan	Min = 4.41; SP = 0.585; Tahap = Tinggi				

Konstruk modul latihan merupakan ketiga tertinggi (min=4.29; SP=0.558), analisis dari Jadual 4 menunjukkan responden bersetuju antara 77.1 hingga 98.8 peratus terhadap pernyataan yang disenaraikan. Responden menunjukkan persetujuan mereka berkaitan modul latihan jika isi kandungan disusun mengikut urutan dengan pengagihan yang seimbang bagi setiap topik dan memenuhi objektif serta sesuai dengan tempoh program LDP dilaksanakan. Hal ini dapat dikaitkan dengan pernyataan yang menunjukkan responden paling tinggi bersetuju bagi "isi kandungan program disusun mengikut urutan" (B4M15) dengan 98.8 peratus. Begitu juga dengan "modul latihan memenuhi objektif" (B4M17) dengan 98.3 peratus. Item yang mendapat persetujuan oleh responden pada 97.7 peratus adalah bagi "isi kandungan bersesuaian dengan tempoh masa program" (B4M10) dan "pengagihan setiap topik dalam modul seimbang" (B4M18). Dapatan ini sama dengan kajian Stone (2017), Natesan (2017) dan Coker (2019) yang mendapati modul latihan yang digunakan membantu pelaksanaan program tersebut. Walaupun begitu, modul latihan tersebut didapati kurang dipraktikkan dan dijadikan amalan sewaktu mereka bekerja (Stone, 2017). Manakala Mohd Izham et al. (2018) pula menegaskan bahawa kandungan latihan yang dilaksanakan perlu sesuai dengan responden sasaran agar pengetahuan dan kemahiran yang diberikan mampu memberi nilai tambah kepada peserta program terlibat. Aspek "bahan kursus diberikan sebelum program bermula" (B4M2) berada di kedudukan terakhir dengan persetujuan sebanyak 77.1 peratus. Responden menunjukkan mereka lebih gemar jika bahan tersebut dapat

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

diberikan lebih awal bagi peserta program dapat membuat persediaan dan bacaan awal sebelum program berlangsung.

Jadual 4: Analisis Frekuensi Konstruk Modul Latihan (Penilaian Input)

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
B4M15	Isi kandungan program disusun mengikut urutan	-	-	2 (1.1%)	107 (61.1%)	66 (37.7%)
B4M17	Modul latihan memenuhi objektif program	-	-	3 (1.7%)	105 (60.0%)	67 (38.3%)
B4M10	Isi kandungan bersesuaian dengan tempoh masa program.	-	-	4 (2.3%)	111 (63.4%)	60 (34.3%)
B4M18	Pengagihan setiap topik dalam modul seimbang	-	-	4 (2.3%)	113 (64.6%)	58 (33.1%)
B4M3	Bahan kursus membantu kefahaman peserta lebih mendalam topik yang diajar	-	2 (1.1%)	3 (1.7%)	113 (64.6%)	57 (32.6%)
B4M7	Bahan kursus mudah dirujuk	-	1 (0.6%)	4 (2.3%)	112 (64.0%)	58 (33.1%)
B4M11	Isi kandungan membantu dalam pekerjaan harian dengan efektif	-	-	6 (3.4%)	105 (60.0%)	64 (36.6%)
B4M16	Isi kandungan relevan dengan tugas harian	-	-	6 (3.4%)	101 (57.7%)	68 (38.9%)
B4M5	Bahan kursus yang menarik menggalakkan minat bagi meningkatkan pengetahuan peserta	-	-	6 (3.4%)	107 (61.1%)	62 (35.4%)
B4M6	Bahan kursus mudah dipelajari	-	-	6 (3.4%)	114 (65.1%)	55 (31.4%)
B4M8	Contoh yang disertakan membantu saya memahami kursus ini	-	-	6 (3.4%)	107 (61.1%)	62 (35.4%)
B4M1	Bahan kursus boleh digunakan bila-bila masa	-	-	7 (4.0%)	110 (62.9%)	58 (33.1%)
B4M9	Contoh yang disertakan mencukupi	-	1 (0.6%)	6 (3.4%)	110 (62.9%)	58 (33.1%)
B4M12	Isi kandungan mencakupi pelbagai bidang kemahiran yang diperlukan	-	-	7 (4.0%)	106 (60.6%)	62 (35.4%)
B4M14	Isi kandungan mengambil kira aspek teori yang diperlukan	-	-	7 (4.0%)	107 (61.1%)	61 (34.9%)
B4M4	Bahan kursus yang menarik menggalakkan minat bagi meningkatkan kemahiran peserta	-	-	11 (6.3%)	106 (60.6%)	58 (33.1%)
B4M13	Isi kandungan mengambil kira aspek praktikal yang diperlukan	-	1 (0.6%)	10 (5.7%)	106 (60.6%)	58 (33.1%)
B4M2	Bahan kursus diberikan sebelum program bermula	2 (1.1%)	11 (6.3%)	27 (15.4%)	87 (49.7%)	48 (27.4%)
Keseluruhan		Min = 4.29; SP = 0.558; Tahap = Tinggi				

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konstruk kaedah pelaksanaan pula berada di kedudukan keempat (min=4.17; SP=0.671). Jadual 5 menunjukkan responden bersetuju dalam lingkungan antara 63.4 hingga 98.9 peratus. Responden menunjukkan mereka bersetuju paling tinggi jika program yang dilaksanakan memenuhi objektif dan menggalakkan pembelajaran dalam kalangan peserta. Begitu juga program perlu disesuaikan dengan pembahagian waktu mengikut topik. Hal ini dapat dilihat dengan persetujuan dalam kalangan responden sebanyak 98.9 peratus bagi ketiga-tiga aspek "pelaksanaan program memenuhi kehendak objektif" (B5K9), "pelaksanaan program menggalakkan perhatian peserta terhadap pembelajaran" (B5K10) dan "pembahagian waktu bagi setiap topik fleksibel" (B5K14). Manakala aspek "pembahagian waktu bagi setiap topik bersesuaian" (B5K13) dengan responden bersetuju sebanyak 98.3 peratus. Hal ini diperkukuhkan dengan kajian Mohd Izham et al. (2018) melaporkan kaedah pelaksanaan yang bersesuaian mampu memenuhi tahap penglibatan peserta program secara optimum dan meningkatkan persepsi mereka berkaitan latihan dengan lebih baik. Walaupun begitu, Mohd Khairi (2018) mencadangkan kaedah pelaksanaan secara interaktif dan kaedah *e-learning* mampu menggalakkan penyertaan dan pembelajaran peserta program.

Penyelaras program boleh menambahbaik item yang dijawab responden paling rendah. Data menunjukkan responden memberikan persetujuan paling rendah bagi tiga item iaitu bagi aspek "kaedah latihan simulasi yang digunakan efektif" (B5K3) dengan 67.5 peratus, diikuti aspek "kaedah latihan permainan yang digunakan efektif (B5K4) dengan 65.7 peratus dan aspek "kaedah latihan kajian kes yang digunakan efektif" (B5K2) dengan 63.4 peratus.

Jadual 5: Analisis Frekuensi Konstruk Kaedah Pelaksanaan (Penilaian Input)

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
B5K9	Pelaksanaan program memenuhi kehendak objektif	-	-	2 (1.1%)	112 (64.0%)	61 (34.9%)
B5K10	Pelaksanaan program menggalakkan perhatian peserta terhadap pembelajaran	-	-	2 (1.1%)	119 (68.0%)	54 (30.9%)
B5K14	Pembahagian waktu bagi setiap topik fleksibel	-	-	2 (1.1%)	113 (64.6%)	60 (34.3%)
B5K13	Pembahagian waktu bagi setiap topik bersesuaian	-	-	3 (1.7%)	109 (62.3%)	63 (36.0%)
B5K17	Tempoh pelaksanaan program boleh ditambahbaik	-	-	4 (2.3%)	103 (58.9%)	68 (38.9%)
B5K16	Tempoh pelaksanaan program bersesuaian	-	-	5 (2.9%)	106 (60.6%)	64 (36.6%)
B5K15	Pembahagian waktu bagi setiap topik mencukupi	-	-	5 (2.9%)	114 (65.1%)	56 (32.0%)
B5K11	Pelaksanaan program relevan dengan fungsi tugas	-	-	6 (3.4%)	101 (57.7%)	68 (38.9%)
B5K12	Pelaksanaan program memadai bagi keperluan peserta	-	-	6 (3.4%)	108 (61.7%)	61 (34.9%)
B5K18	Tempoh pelaksanaan program mencukupi	-	1 (0.6%)	6 (3.4%)	103 (58.9%)	65 (37.1%)
B5K1	Kaedah latihan yang digunakan efektif (pembelajaran secara	2 (1.1%	1 (0.6%)	8 (4.6%)	103 (58.9%)	61 (34.9%)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
	kuliah)	)				
B5K7	Kaedah latihan yang digunakan efektif (perbincangan pelbagai hala)	2 (1.1%)	3 (1.7%)	7 (4.0%)	110 (62.9%)	53 (30.3%)
B5K5	Kaedah latihan yang digunakan efektif (perbengkelan)	2 (1.1%)	3 (1.7%)	9 (5.1%)	105 (60.0%)	56 (32.0%)
B5K6	Kaedah latihan yang digunakan efektif (pembelajaran maya)	6 (3.4%)	1 (0.6%)	10 (5.7%)	116 (66.3%)	42 (24.0%)
B5K8	Kaedah pelaksanaan program dipelbagaikan	-	1 (0.6%)	20 (11.4%)	97 (55.4%)	57 (32.6%)
B5K3	Kaedah latihan yang digunakan efektif (simulasi)	12 (6.9%)	17 (9.7%)	28 (16.0%)	85 (48.6%)	33 (18.9%)
B5K4	Kaedah latihan yang digunakan efektif (permainan)	11 (6.3%)	19 (10.9%)	30 (17.1%)	83 (47.4%)	32 (18.3%)
B5K2	Kaedah latihan yang digunakan efektif (kajian kes)	16 (9.1%)	16 (9.1%)	32 (18.3%)	83 (47.4%)	28 (16.0%)
Keseluruhan		Min = 4.17; SP = 0.671; Tahap = Tinggi				

Lokasi merupakan konstruk kelima bagi penilaian input (min=4.09; SP=0.821). Bagi 16 item yang dinyatakan seperti dalam Jadual 6, responden menunjukkan persetujuan sekitar 67.5 peratus hingga 98.9 peratus. Responden berpendapat mereka bersetuju paling tinggi jika lokasi bagi pelaksanaan program LDP adalah selamat, tenang, menggalakkan pembelajaran serta dilaksanakan di pusat latihan atau pejabat bertugas kerana percuma dan mengurangkan kos. Hal ini dapat dikaitkan dengan pernyataan paling tinggi responden bersetuju iaitu "jika program LDP dilaksanakan di lokasi yang selamat" (B1L13) dengan 98.9 peratus. Begitu juga item "lokasi program tenang bagi pelaksanaan program" (B1L14) dengan 95.5 peratus serta "lokasi program menggalakkan pembelajaran" (B1L16) dengan 93.1 peratus. Bagi mengurangkan kos bagi pelaksanaan LDP, responden juga bersetuju dengan "lokasi program percuma" (B1L10) dengan 90.8 peratus. Kajian Mohd Azam (2019) menegaskan bahawa walau di mana program dilaksanakan, pelaksana program perlu mengikut kesesuaian kemudahan dan kemampuan yang dimiliki. Begitu juga dengan kajian Mertens et al. (2019) melaporkan bagi menetapkan sesebuah lokasi sebagai tempat bagi program latihan dilaksanakan, pelaksana program perlu memastikan kemudahan yang ingin digunakan tersedia selain memberi fokus kepada susun atur fizikal dan tujuan lokasi tersebut dipilih.

Bagi 16 item yang tersenarai, data turut menunjukkan pernyataan paling rendah responden bersetuju. Responden menunjukkan mereka kurang gemar jika perlu berulang alik setiap hari ke lokasi program dilaksanakan kerana menggunakan kenderaan sendiri dan penginapan percuma yang menyebabkan mereka perlu bermalam di lokasi tersebut. Hal ini dapat dikaitkan dengan responden bersetuju bawah dari 70 peratus tentang pernyataan "lokasi memerlukan kenderaan untuk berulang alik setiap hari" (B1L6) dengan 68 peratus manakala "lokasi disediakan penginapan percuma" (B1L7) dengan 67.5 peratus.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 6: Analisis Frekuensi Konstruk Lokasi (Penilaian Input)

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
B1L13	Lokasi program selamat	-	-	2 (1.1%)	95 (54.3%)	78 (44.6%)
B1L14	Lokasi program yang tenang bagi pelaksanaan program	-	2 (1.1%)	6 (3.4%)	103 (58.9%)	64 (36.6%)
B1L16	Persekitaran lokasi program menggalakkan pembelajaran	1 (0.6%)	-	11 (6.3%)	111 (63.4%)	52 (29.7%)
B1L10	Lokasi program percuma (pusat latihan, pejabat bertugas)	1 (0.6%)	1 (0.6%)	14 (8.0%)	94 (53.7%)	65 (37.1%)
B1L9	Lokasi program mudah ditemui	1 (0.6%)	2 (1.1%)	14 (8.0%)	99 (56.6%)	59 (33.7%)
B1L11	Lokasi program sesuai dilaksanakan secara bersemuka bagi perbincangan pelbagai hala	1 (0.6%)	1 (0.6%)	15 (8.6%)	100 (57.1%)	58 (33.1%)
B1L4	Kawasan parkir selamat	1 (0.6%)	1 (0.6%)	18 (10.3%)	91 (52.0%)	64 (36.6%)
B1L12	Lokasi program menyediakan platform secara atas talian bagi perbincangan pelbagai hala dari dalam dan luar negara	4 (2.3%)	3 (1.7%)	18 (10.3%)	97 (55.4%)	53 (30.3%)
B1L15	Lokasi disediakan kawasan peserta berehat	3 (1.7%)	4 (2.3%)	21 (12.0%)	97 (55.4%)	50 (28.6%)
B1L2	Kawasan parkir luas	3 (1.7%)	2 (1.1%)	25 (14.3%)	89 (50.9%)	56 (32.0%)
B1L1	Jarak lokasi berdekatan dengan pejabat	4 (2.3%)	8 (4.6%)	19 (10.9%)	81 (46.3%)	63 (36.0%)
B1L3	Kawasan parkir percuma	9 (5.1%)	4 (2.3%)	18 (10.3%)	82 (46.9%)	62 (35.4%)
B1L5	Lokasi berbeza setiap kali program dilaksanakan	9 (5.1%)	9 (5.1%)	22 (12.6%)	89 (50.9%)	46 (26.3%)
B1L8	Lokasi program berdekatan dengan kemudahan lain (pusat komputer, bank, pejabat pos, pasaraya)	6 (3.4%)	8 (4.6%)	35 (20.0%)	86 (49.1%)	40 (22.9%)
B1L6	Lokasi memerlukan kenderaan untuk berulang alik setiap hari	14 (8.0%)	16 (9.1%)	26 (14.9%)	80 (45.7%)	39 (22.3%)
B1L7	Lokasi disediakan penginapan percuma	14 (8.0%)	14 (8.0%)	29 (16.6%)	71 (40.6%)	47 (26.9%)
	Keseluruhan	Min = 4.09; SP = 0.821; Tahap = Tinggi				

Bagi penilaian reaksi, Jadual 7 menunjukkan analisis ketiga-tiga konstruk yang terlibat iaitu konstruk pengetahuan, pembelajaran dan kemahiran. Konstruk dalam jadual ini disusun mengikut keutamaan di mana pengetahuan mempunyai data paling tinggi (min=4.35; SP=0.541).

Jadual 7: Rumusan Analisis Konstruk bagi Penilaian Reaksi

Konstruk	Min	SP	Tahap
Pengetahuan	4.35	0.541	Tinggi
Kemahiran	4.34	0.550	Tinggi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pembelajaran	4.30	0.548	Tinggi

Data seperti dalam Jadual 8 menunjukkan terdapat 18 item bagi konstruk pengetahuan. Kebanyakan responden bersetuju bagi item tersebut antara 85.1 hingga 99.4 peratus. Responden bersetuju jika pengetahuan dari program LDP dapat diterapkan dan digunakan sewaktu bekerja. Selain itu, responden berharap dari program LDP ini, pengetahuan sedia ada dapat ditingkatkan dan memberi banyak manfaat serta kesedaran kendiri dalam melaksanakan tugas harian. Hal ini dapat dikaitkan dengan aspek paling tinggi responden bersetuju iaitu "saya dapat menerapkan pengetahuan yang diperolehi selepas program" (C2P17) dengan 99.4 peratus. Aspek "pengetahuan diperolehi membantu dalam menangani masalah di tempat kerja selepas program" (C2P1) dan "pengetahuan sedia ada meningkat selepas program berakhir" (C2P3) di mana responden bersetuju sebanyak 98.9 peratus. Selain itu, sebanyak 98.8 peratus responden turut bersetuju jika aspek "pengetahuan yang diperolehi memberi manfaat kepada peserta" (C2P10) dan "saya dapat meningkatkan kesedaran kendiri berkaitan topik sewaktu program" (C2P18). Hal ini disokong dengan kajian Tuan Rahayu et al. (2017) yang menegaskan di mana pengetahuan sangat penting bagi memastikan peserta program itu mampu menghadapi pembelajaran baru dan seterusnya memudahkan pembelajaran itu dapat dilaksanakan dengan baik. Begitu juga dengan kajian Mohd Azam (2019) yang menjelaskan bahawa pengetahuan bukan sahaja diterima melalui penglibatan langsung seperti kursus, seminar dan bengkel yang pernah dihadiri, bahkan juga sewaktu melaksanakan tugas harian. Responden menunjukkan persetujuan paling rendah bagi aspek "saya berpengetahuan mengenai topik sebelum menghadiri latihan ini" (C2P16) dengan 85.1 peratus. Walaupun berada di kedudukan terakhir, peratusan yang diberikan masih tinggi dan masih dalam ketetapan penyelaras program.

Jadual 8: Analisis Frekuensi Konstruk Pengetahuan (Penilaian Reaksi)

Item	**Aspek**	**Frekuensi (Peratusan)**				
		STS	**TS**	**KS**	**S**	**SS**
C2P17	Saya dapat menerapkan pengetahuan yang diperolehi selepas program	-	-	1 (0.6%)	115 (65.7%)	59 (33.7%)
C2P1	Pengetahuan diperolehi membantu dalam menangani masalah di tempat kerja selepas program	-	-	2 (1.1%)	105 (60.0%)	68 (38.9%)
C2P3	Pengetahuan sedia ada meningkat selepas program berakhir	-	-	2 (1.1%)	103 (58.9%)	70 (40.0%)
C2P10	Pengetahuan yang diperolehi memberi manfaat kepada peserta	-	-	2 (1.1%)	93 (53.1%)	80 (45.7%)
C2P18	Saya dapat meningkatkan kesedaran kendiri berkaitan topik sewaktu program	-	-	2 (1.1%)	104 (59.4%)	69 (39.4%)
C2P7	Pengetahuan yang diperolehi berguna sewaktu melaksanakan kerja harian	-	-	3 (1.7%)	90 (51.4%)	82 (46.9%)
C2P15	Pengetahuan yang diperolehi selari dengan hasrat organisasi	-	-	4 (2.3%)	99 (56.6%)	72 (41.1%)
C2P8	Pengetahuan yang diperolehi memberi kesan positif kepada diri sendiri	-	-	5 (2.9%)	96 (54.9%)	74 (42.3%)
C2P9	Pengetahuan yang diperolehi	-	-	5	97	73

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
	memberi kesan positif kepada organisasi			(2.9%)	(55.4%)	(41.7%)
C2P11	Pengetahuan yang diperolehi meningkatkan kualiti kerja	-	-	5 (2.9%)	91 (52.0%)	79 (45.1%)
C2P6	Pengetahuan yang diperolehi adalah terkini berkaitan bidang tugas	-	-	6 (3.4%)	105 (60.0%)	64 (36.6%)
C2P14	Pengetahuan yang diperolehi perlu dikongsi dengan rakan sekerja setelah program berakhir	-	-	6 (3.4%)	106 (60.6%)	63 (36.0%)
C2P2	Pengetahuan diperolehi memberi saya alternatif dalam melaksanakan kerja harian	-	-	7 (4.0%)	99 (56.6%)	69 (39.4%)
C2P4	Pengetahuan yang diberikan adalah tersusun mengikut topik yang diajar	-	-	7 (4.0%)	106 (60.6%)	62 (35.4%)
C2P13	Pengetahuan yang diperolehi perlu dibincangkan dengan rakan sekerja walaupun program telah berakhir	-	-	7 (4.0%)	105 (60.0%)	63 (36.0%)
C2P12	Pengetahuan yang diperolehi mudah diaplikasikan	-	-	8 (4.6%)	109 (62.3%)	58 (33.1%)
C2P5	Pengetahuan yang diperlukan untuk kerja saya disokong dengan baik oleh aktiviti praktikal dan latihan sewaktu program ini	-	-	10 (5.7%)	100 (57.1%)	65 (37.1%)
C2P16	Saya berpengetahuan mengenai topik sebelum menghadiri latihan ini	-	2 (1.1%)	24 (13.7%)	105 (60.0%)	44 (25.1%)
Jumlah Keseluruhan		Min = 4.35; SP = 0.541; Tahap = Tinggi				

Konstruk kemahiran berada di kedudukan kedua bagi penilaian reaksi (min=4.34; SP=0.550) untuk 18 item yang dinyatakan. Julat persetujuan yang diberikan oleh responden seperti dalam Jadual 9 adalah antara 90.3 hingga 99.5 peratus. Responden bersetuju jika program LDP yang dilaksanakan dapat meningkatkan kualiti kemahiran, penambahbaikan penguasaan kemahiran yang terkini dengan bidang tugas. Selain itu, responden juga berharap kemahiran yang diperolehi adalah relevan, dapat menyumbang ke arah pencapaian organisasi serta meningkatkan prestasi kerja mereka. Ini dapat dikaitkan dengan data analisis yang menunjukkan aspek paling tinggi adalah "kemahiran yang diperolehi di dalam program ini boleh meningkatkan kualiti tugas harian" (C3K5) dengan 99.5 peratus. Manakala terdapat lima aspek mendapat 98.3 peratus iaitu "penguasaan kemahiran yang diperolehi boleh ditambahbaik" (C3K15), "kemahiran yang diberikan adalah terkini dengan bidang tugas" (C3K2), "kemahiran yang diperolehi di dalam program ini boleh menyumbang ke arah pencapaian organisasi" (C3K6), "kursus ini memberi kemahiran yang relevan dengan tugas" (C3K12) dan "latihan yang diamalkan meningkatkan prestasi kerja" (C3K13). Kajian Jain et al. (2019) ada menjelaskan bahawa terdapat jurang yang besar antara kemahiran yang diperlukan dan sedia ada. Hal ini diperkukuhkan dalam kajian Sikdar et al. (2019) di mana kebolehpasaran pekerja memerlukan kemahiran semula dan baharu bagi memastikan mereka dapat bersaing dalam dunia pekerjaan. Kajian Sisson (2001) juga ada memberi penegasan bahawa kemahiran sebenar akan berkurang dan terbantut dari masa ke masa jika tidak dilatih semula. Aspek yang berada di kedudukan terakhir adalah "kemahiran yang diperolehi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menggalakkan pemikiran kreatif" (C3K7) dengan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 90.3 peratus.

Jadual 9: Analisis Frekuensi Konstruk Kemahiran (Penilaian Reaksi)

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
C3K5	Kemahiran yang diperolehi di dalam program ini boleh meningkatkan kualiti tugas harian	-	-	1 (0.6%)	106 (60.6%)	68 (38.9%)
C3K15	Penguasaan kemahiran yang diperolehi boleh ditambahbaik	-	-	3 (1.7%)	92 (52.6%)	80 (45.7%)
C3K2	Kemahiran yang diberikan adalah terkini dengan bidang tugas	-	-	3 (1.7%)	103 (58.9%)	69 (39.4%)
C3K6	Kemahiran yang diperolehi di dalam program ini boleh menyumbang ke arah pencapaian organisasi	-	-	3 (1.7%)	102 (58.3%)	70 (40.0%)
C3K12	Kursus ini memberi kemahiran yang relevan dengan tugas	-	-	3 (1.7%)	103 (58.9%)	69 (39.4%)
C3K13	Latihan yang diamalkan meningkatkan prestasi kerja saya	-	-	3 (1.7%)	97 (55.4%)	75 (42.9%)
C3K17	Saya memperoleh kemahiran yang baik dari program ini	-	-	4 (2.3%)	96 (54.9%)	75 (42.9%)
C3K16	Saya akan berkongsi kemahiran yang berguna kepada rakan sekerja	-	-	4 (2.3%)	92 (52.6%)	79 (45.1%)
C3K4	Kemahiran yang diperolehi dapat meningkatkan keupayaan diri dalam melaksanakan tugas	-	-	4 (2.3%)	102 (58.3%)	69 (39.4%)
C3K18	Kemahiran diajar secara berperingkat bagi memastikan kemahiran dapat diadaptasi	-	-	5 (2.9%)	107 (61.1%)	63 (36.0%)
C3K11	Kepentingan menerapkan kemahiran latihan di tempat kerja telah dikenal pasti	-	-	6 (3.4%)	115 (65.7%)	54 (30.9%)
C3K1	Kemahiran berkomunikasi yang diperolehi meningkat	-	-	7 (4.0%)	108 61.7%)	60 (34.3%)
C3K14	Latihan sangat relevan dengan tugas kerja harian saya	-	-	9 (5.1%)	93 (53.1%)	73 (41.7%)
C3K8	Kemahiran yang diperolehi secara teknikal meningkat	-	1 (0.6%)	10 (5.7%)	102 (58.3%)	62 (35.4%)
C3K3	Kemahiran yang diperlukan untuk kerja saya disokong dengan baik oleh aktiviti praktikal dan latihan program latihan ini	1 (0.6%)	-	13 (7.4%)	97 (55.4%)	64 (36.6%)
C3K9	Kemahiran yang diperolehi secara teori meningkat	-	-	9 (5.1%)	112 (64.0%)	54 (30.9%)
C3K10	Kemahiran yang disediakan dalam program latihan ini	-	-	15 (8.6%)	112 (64.0%)	48 (27.4%)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
	mudah diaplikasikan					
C3K7	Kemahiran yang diperolehi menggalakkan pemikiran kreatif	1 (0.6%)	-	16 (9.1%)	104 (59.4%)	54 (30.9%)
Keseluruhan		Min = 4.34; SP = 0.550; Tahap = Tinggi				

Konstruk pembelajaran berada di kedudukan terakhir dalam penilaian reaksi (min=4.30; SP=0.548). Berdasarkan Jadual 10, responden menunjukkan persetujuan antara 92 hingga 98.3 peratus bagi 18 item yang dinyatakan. Kebanyakan responden bersetuju input dari pembelajaran yang diberikan amat berguna bagi menambahbaik kebolehan dalam melaksanakan tugas harian serta membantu menyelaraskan matlamat sewaktu bekerja. Ini dapat dikaitkan dengan aspek yang mendapat persetujuan tertinggi iaitu "input dari pembelajaran yang diperolehi berguna" (C1P5) dengan 98.3 peratus. Diikuti dua aspek yang mendapat 97.8 peratus iaitu "input dari pembelajaran menambah kebolehan melaksanakan tugas dengan cara yang lain" (C1P3) dan "input dari pembelajaran membantu menyelaraskan matlamat dalam pekerjaan" (C1P4). Kajian Muhammad Faizal et al. (2016) juga bersetuju berkaitan pembelajaran ini kerana melalui pembelajaran kolaboratif, pekerja di sesebuah organisasi dapat berkongsi amalan terbaik individu dan melaksanakan pementoran. Manakala dalam kajian Nazmeen (2018) menunjukkan bahawa melalui program latihan yang dianjurkan, pembelajaran dapat pengetahuan dan kefahaman peserta seterusnya membantu mereka mencapai matlamat organisasi masing-masing. Aspek yang berada di kedudukan paling rendah turut menunjukkan peratus yang tinggi dengan 92 peratus iaitu "aktiviti pembelajaran meningkatkan keseronokan belajar" (C1P10). Walaupun begitu, responden yang menjawab kurang setuju bagi item tersebut adalah sebanyak 8 peratus menyebabkan aspek terlibat berada di kedudukan terakhir.

Jadual 10: Analisis Frekuensi Konstruk Pembelajaran (Penilaian Reaksi)

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
C1P5	Input dari pembelajaran yang diperolehi berguna	-	-	3 (1.7%)	59.4	38.9
C1P3	Input dari pembelajaran menambah kebolehan melaksanakan tugas dengan cara yang lain	-	-	4 (2.3%)	62.9	34.9
C1P4	Input dari pembelajaran membantu menyelaraskan matlamat dalam pekerjaan	-	-	4 (2.3%)	62.9	34.9
C1P18	Penyertaan program sewaktu pembelajaran menggalakkan aktiviti yang dilaksanakan	-	-	4 (2.3%)	60	37.7
C1P2	Aktiviti yang dicadangkan sewaktu pembelajaran mudah dilaksanakan	-	-	5 (2.9%)	64.6	32.6
C1P14	Pembelajaran ilmu terkini berkaitan kandungan latihan dengan kerja harian	-	1 (0.6%)	4 (2.3%)	62.3	34.9
C1P16	Pembelajaran sewaktu program latihan adalah satu keperluan	-	-	5 (2.9%)	54.3	42.9
C1P17	Pengalaman pembelajaran sewaktu	-	-	6	55.4	41.1

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Item	Aspek	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
	latihan memberi kesan yang baik			(3.4%)		
C1P11	Kualiti keseluruhan pembelajaran amat bermakna	-	-	7 (4.0%)	68.6	27.4
C1P15	Pembelajaran menggalakkan kemampuan menyelesaikan masalah di tempat kerja	-	-	8 (4.6%)	58.9	36.6
C1P6	Input yang diperoleh menggalakkan pemikiran kreatif	-	1 (0.6%)	8 (4.6%)	61.7	33.1
C1P12	Latihan dan tugasan sewaktu program, berkaitan dengan tugas kerja saya	-	1 (0.6%)	8 (4.6%)	53.7	41.1
C1P1	Aktiviti yang dicadangkan sewaktu pembelajaran dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan	-	1 (0.6%)	8 (4.6%)	67.3	27.4
C1P7	Interaksi pelbagai hala sewaktu pembelajaran menggalakkan	-	-	10 (5.7%)	63.4	30.9
C1P8	Jangkaan pembelajaran sewaktu program seperti diharapkan	-	-	10 (5.7%)	64.6	29.7
C1P9	Keberkesanan pembelajaran sewaktu program seperti diharapkan	-	-	11 (6.3%)	65.1	28.6
C1P13	Pembelajaran dapat mengaitkan teori yang diajar dengan amalan sebenar di tempat kerja	-	2 (1.1%)	10 (5.7%)	56	37.1
C1P10	Aktiviti pembelajaran meningkatkan keseronokan belajar	-	-	14 (8.0%)	64.6	27.4
	Keseluruhan	Min = 4.30; SP = 0.548; Tahap=Tinggi				

Analisis dari penilaian reaksi untuk ketiga-tiga konstruk berkaitan menunjukkan persepsi responden secara majoriti bersetuju kepada pernyataan yang disenaraikan. Hal ini dapat dikaitkan dengan kajian yang dilaksanakan oleh Abdullah (2012), Al Mannaee (2015) dan Cook (2017) bagi melihat penilaian reaksi responden dalam meningkatkan kompetensi dan keberkesanan program yang positif. Walaupun konstruk yang berbeza digunakan dalam kajian masing-masing, konstruk tersebut menunjukkan hasil yang positif dan menyumbang kepada pelaksanaan program yang lebih mantap.

Tugas sebagai Nazir Sekolah adalah kompleks kerana melibatkan pelbagai disiplin dalam pendidikan. Oleh itu, program latihan atau kursus yang bersesuaian adalah penting bagi meningkatkan kompetensi kerja dan kepakaran mereka sebagai pemeriksa sekolah (Essaoudi et al., 2015). Begitu juga penggunaan konstruk bersesuaian yang digunakan bagi menilai program dapat membantu dan memastikan penilaian input dan reaksi yang dinilai menunjukkan aras persetujuan dari persepsi responden adalah tinggi bagi memastikan program yang dilaksanakan mencapai objektif yang ingin dicapai. Jika terdapat kelemahan yang dikesan melalui data aras persetujuan yang rendah, pelaksana program dan pihak organisasi terutamanya perlu mencari alternatif bagi memastikan responden yang hadir ke program tersebut mendapat manfaat yang berguna untuk digunakan dalam alam pekerjaan masing-masing.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

5. Kesimpulan

Tanggungjawab yang ditetapkan oleh pihak KPM kepada Nazir Sekolah dan JN seperti dalam Akta Pendidikan 1996 amat tinggi. Hal ini memberi penekanan agar Nazir Sekolah perlu sentiasa bersedia dan berilmu tinggi dalam melaksanakan tugas terutamanya sewaktu membuat pemeriksaan ke atas sekolah-sekolah yang dilawati. Dapatan kajian ini menunjukkan Nazir Sekolah sentiasa bersedia dan berupaya meningkatkan kompetensi kerja mereka dengan menyertai program LDP yang dilaksanakan oleh pihak JN. Berdasarkan penilaian program LDP yang dilaksanakan dalam kajian ini turut menunjukkan persetujuan yang tinggi. Nazir Sekolah yang menyertai program LDP rata-rata bersetuju paling tinggi bagi aspek yang dinyatakan dalam penilaian input dan reaksi. Kajian bagi penilaian input menunjukkan penggunaan penilaian ini dapat membantu pengkaji dalam menilai sejauh mana penggunaan sumber yang sesuai dapat membantu kelancaran program yang dilaksanakan. Begitu juga dengan kajian berkaitan penilaian reaksi menunjukkan penilaian ini dapat memastikan peserta menyatakan persepsi mereka tentang sejauh mana program berjalan lancar bagi tujuan penambahbaikan. Penggunaan model penilaian program yang bersesuaian dapat membantu pihak JN terutamanya penyelaras program dalam membantu mereka mengenal pasti sejauh mana keberkesanan program yang dianjurkan dan seterusnya meningkatkan kompetensi kerja Nazir Sekolah. Implikasi kajian ini menyumbang kepada himpunan kajian berkaitan penilaian program menggunakan model penilaian CIRO terutamanya berkaitan dengan program LDP yang dilaksanakan bahagian-bahagian di KPM. Kajian penilaian program sedia ada banyak memberi fokus pada program yang dilaksanakan di sekolah. Dapatan kajian ini mampu memberi penjelasan kepada penyelaras program berkaitan keperluan yang diberi penekanan dalam program tersebut bagi memastikan keberkesanan di akhir program seperti yang ditetapkan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Kami mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang terlibat dalam menyumbangkan kepakaran dan buah fikiran yang dalam penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Abdullah, L. (2012). *The Influence of Employee of Contextual Factors on Training Effectiveness of Technical Employees at Silterra Malaysia Sdn. Bhd*. UUM Sintok.

Alexius, K. (2020). The Exposed Child in a Qualitative Study of Cases at the Swedish Schools Inspectorate. An ideal or Not-So-Ideal Victim? *Pedagogy, Culture and Society*, *28*(3), 367–382.

Al-Mughairi, A. M. (2018). *The Evaluation of Training and Development of Employees: The Case of a National Oil and Gas Industry*. Brunel University London.

Al Mannaee, N. S. A. H. (2015). *Competency Model Assessment: Participants Reactions in a UAE Oil Company Recommended Citation*. United Arab Emirates University.

Anderson, G. (2017). *School Leadership Response to External Evaluation: a Case Study of the National Education Inspectorate in Jamaica*. Temple University Pennsylvania.

Avellaneda, E. M. (2020). *An Evaluation of the Edgenuity Online Learning Program in a Public High School Using Stufflebeam's Context, Input, Process and Product (CIPP) Model: A Mixed Methods Approach*. Tarleton State University Texas.

Bilan, N., Negahdari, R., Hazrati, H., & Moghaddam, S. F. (2021). Examining the Quality of the Competency-Based Evaluation Program for Dentistry Based on the CIPP Model: A Mixed-Method Study. *Journal of Dental Research, Dental Clinics, Dental Prospects*, *15*(3), 203–209.

Brown, M., McNamara, G., O'Hara, J., & O'Brien, S. (2016). Exploring the Changing Face of School Inspections. *Eurasian Journal of Educational Research*, *66*, 1–26.

Ceylan, M., & Can, S. (2019). Evaluation of Teachers' Views on School Managers' Classroom Supervision. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry (TOJQI)*, *10*(4), 490–510.

Chotimah, K. (2018). *Pelaksanaan Evaluasi Pembelajaran Melalui E-Learning Di Sekolah Indonesia Kota Kinabalu (SIKK) Malaysia*. Universitas Negeri Semarang Indonesia.

Coker, C. J. (2019). *Checklist Training Model: A Comparison of Time, Investment, and Job Function Knowledge*. University of Southern California.

Cook, E. E. (2017). *Participant Reactions to School Crisis Training: Factor Structure and Relation to Knowledge and Attitude Change*. University at Buffalo New York.

Davis, L. L. (1992). Instrument Review: Getting the Most from a Panel of Experts. *Applied Nursing Research*, *5*(4), 194–197.

DeVellis, R. F. (2017). *Scale Development: Theory and Applications (4th Edition)*. SAGE Publications Inc. Los Angeles.

Essaoudi, M., Lotfi, R., Talbi, M., & Radid, M. (2015). Analysis of Professional Practices Inspectors of Education – Training in Morocco. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *197*, 320–327.

Grek, S. (2014). Travelling Inspectors and the Making of Europe: Education Policy Learning and the Case of the Scottish School Inspectorate. *Sisyphus - Journal of Education*, *2*(1), 40–61.

Hossain, M. (2017). *School Inspection Challenges: Evidence from Six Countries*. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) Paris.

Independent Schools Inspectorate (ISI). (2015). *Independent Schools Inspectorate: Handbook for the Inspection of Schools*. Independent Schools Inspectorate (ISI) London.

Jain, A., & Jadhav, L. (2019). Impact of Skill Based Training on Rural India. *International Journal of Advance and Innovative Research*, *6*(1 (24)), 137–139.

James, M. (2018). *In the Midst of Church School Inspection*. Canterbury Christ Church University United Kingdom.

Jemaah Nazir. (2020). *Surat Siaran Ketua Nazir Sekolah Bil. 2/2020: Pindaan Piagam Pelanggan Jemaah Nazir* (pp. 1–2). Jemaah Nazir Putrajaya.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. (2013). *Etika Penaziran Edisi Ketiga*. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Putrajaya.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research. *Educational and Psychological Measurement*, *30*, 607–610.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (1997). *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)* (Issue Akta 550). International Law Book Services Malaysia.

Mertens, D. M., & Wilson, A. T. (2019). Program Evaluation Theory and Practice (2nd. Edition). In *The Guilford Press London*. The Guilford Press London.

Mohamad Alkutich. (2015). *Examining the Impact of School Inspection on Teaching and Learning ; Dubai Private Schools as a Case Study*. The British University in Dubai.

Mohd Azam, M. (2019). *Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Dakwah Sekolah Rendah*. UKM Bangi.

Mohd Izham, M. H., & Mazlan, S. (2018). Tahap Pelaksanaan Latihan dalam Perkhidmatan dan Hubungannya dengan Pengalaman Mengajar serta Kekerapan Menghadiri Latihan Guru Sekolah Rendah Berprestasi Tinggi di Putrajaya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *43*(1), 17–23.

Mohd Khairi, H. (2018). *Penilaian Pelaksanaan Kursus Umum Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Swasta Malaysia*. UM Kuala Lumpur.

Muhamad Saiful Bahri, Y. (2019). ABC of Content Validation and Content Validity Index Calculation. *Education in Medicine Journal*, *11*(2), 49–54.

Muhammad Faizal, A. G., Abdul Khalil, A., Zaharah, H., Norfariza, M. R., Ainoor Mahfuzah, A., & Faisol, E. (2016). Program Pembangunan Profesionalisme Guru Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, *3*(3), 76–103.

Mukhidin, M., Kustiawan, I., Suartini, T., Hasan, B., & Sukandar, A. (2020). CIPP Evaluation Learning Development Model in Vocational Laboratories Based on ISO 9001: 2008. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, *830*(4), 1–7.

Natesan, M. (2017). *Keberkesanan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Malaysia*. UM KL.

Nazmeen, S. D. (2018). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Kursus Profesionalisme Diri Unggul Dan Hubungannya Dengan Prestasi Kerja Peserta Kursus*. UUM Sintok.

Nor Hayati, F. T., & Bani Hidayat, M. S. (2017). Model-Model Penilaian dalam Pendidikan. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, *8*(3), 76–90.

Patterson, T. P. (2015). *Training Evaluation Investigating Core Self-Evaluations and Perceptions of Training Transfer*. Western Kentucky University USA.

Sapie, S., Harzita, I., Suhana, M. L., Mohamad Fuad, I., & Siti Nga'ishah, M. (2017). Penilaian Aspek Konteks Dan Input Berkaitan Tahap Pencapaian Kemahiran Bacaan Tilawah Al-Quran Berasaskan Penggunaan Kaedah Warna Terhadap Kelancaran Sebutan Bertajwid Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun Lima Sekolah Kebangsaan Bukit Besi, Dungun, Tereng. *Malaysian Online Journal of Education*, *1*(2), 20–31.

Shenge, N. A. (2014). Training Evaluation: Process, Benefits and Issues. *Ife PsychologIA*, *22*(1), 50–58.

Sikdar, R., & Sonawane, A. (2019). Implementation of Online with Offline Education for Skill Development Courses. *International Journal of Advance and Innovative Research*, *6*(1 (32)), 144–157.

Sisson, G. R. (2001). *A Simple and Effective Method for On-the-Job Training*. Berrett-Koehler Publishers, Inc. San Francisco.

Smith, A. D. (2018). *Using the CIPP Evaluation Model to Determine Participants' Perceptions of and Experiences with a College Learning Support Program*. Valdosta State University USA.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Srinivasan, S., Al Habsi, O. K. F., & Al-Siyabi, M. S. M. (2020). A Study on Effective Training Inputs Pertaining to Workforce of the Logistics Industry in Oman'. *International Engineering Journal for Research & Development*, *5*, 1–9.

Srivastava, V., & Walia, A. M. (2018). An Analysis of Various Training Evaluation Models. *International Journal of Advance and Innovative Research*, *5*(4), 276–282.

Stone, B. (2017). *Efficacy of Collaborative Consulting Training Module*. Pepperdine University California.

Sulisworo, D., Ummah, R., Nursolikh, M., & Rahardjo, W. (2020). The Analysis of the Critical Thinking Skills Between Blended Learning Implementation: Google Classroom and Schoology. *Universal Journal of Educational Research*, *8*(3 B), 33–40.

Surber, A. M. (2016). *e-Learning Factors Influencing Strategies : Multi-Case Study of Employee Training at a Higher Educational Institution*.

Surendran, S., & Norazlinda, S. (2019). Penilaian Program Sarjana Muda Pendidikan: Model CIPP sebagai Asas. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, *2*(8), 132–140.

Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making Sense of Cronbach's Alpha. *International Journal of Medical Education*, *2*, 53–55.

Tuan Rahayu, T. L., Mohd Aderi, C. N., & Mohd Isa, H. (2017). Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Murid Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Mata Pelajaran Tasawwur Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, *3*(1), 15–28.

Wan Huzaini, W. H. (2018). *Penilaian Program Latihan Asas Nazir Sekolah*. UKM Bangi.

Wang, G. G., & Wilcox, D. (2006). Training Evaluation: Knowing More Than Is Practiced. *Advances in Developing Human Resources*, *8*(4), 528–539.

Warr, P., Bird, M., & Rackham, N., (1979). *Evaluation of Management Training*. Gower Press Limited England.

Yenipınar, S., & Göksoy, S. (2016). Course Supervisions Carried Out by Educational Inspectors and School Managers. *Turkish Online Journal of Educational Technology (TOJET)*, 558–566.

Yuniarti, N., Pramono, H. S., & Anggraenni, S. (2018). Learning Evaluation on Industrial Automation Field with CIPP Model. *Journal of Physics: Conference Series*, *1140*(1), 1–10.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).